

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK : KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR SARJANA  
MUDA KEJURUTERAAN KUITTHO

MOHD RAKIME BIN SHAFFAI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077071 3

SCANNED  
AVAILABLE ONLINE



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

Judul : **HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK : KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA  
KEJURUTERAAN KUITTHO.**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya : MOHD RAKIME BIN SHAFFAI  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor ~~Falsafah~~)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh,  


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 122, KAMPONG MAHLIGAI  
16400 MELOR,  
KOTA BHARU, KELANTAN

EN. ABDULLAH SULAIMAN  
Nama Penyelia

Tarikh : 23 SEPT. 2002

Tarikh : 23 SEPT. 2002

- CATATAN :
- \* Potong yang tidak berkenaan
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional”



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan

Nama Penyelia

: En. Abdullah bin Sulaiman

Tarikh

: 23 SEPTEMBER 2002

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK :  
SATU KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)

MOHD RAKIME BIN SHAFFAI

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana  
Pendidikan ( Teknik Dan Vokasional )



Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”



PTTA UTHIM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan : .....  
Nama Penulis : Mohd Rakime Bin Shaffai  
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

Untuk bonda, ayahanda, kekanda dan ipar

**Puan Hasnah Bte. Abdul Razak, En. Shaffai Bin Yusoff, Noriza,**  
Norhasmine, Nor Shalindawati, Mohd Redhuan, Nor Ewina, Nor  
Shazleen, Mustaffa, Saari, Tuan Ariff, **Rosmawanie**  
dan semua yang terlibat di atas kejayaan ini.  
Terima kasih atas bimbingan kalian.



PERPUSTAKAAN TUN KUNCI TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menghasilkan satu kajian yang bertajuk “Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Pencapaian Akademik : Kajian Di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO.”

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Abdullah Bin Sulaiman selaku penyelia saya yang sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta pelbagai nasihat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala jasa baik beliau amat dihargai dan ianya amat berguna serta begitu bernilai sekali.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada responden iaitu pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO dan pelajar semester 3 Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO yang memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan berbilang terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai.

Harapan saya, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyaallah.



## ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini dijalankan ialah untuk melihat bagaimana hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Objektif kajian ialah mengenalpasti hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, kajian juga tertumpu kepada mengenalpasti jantina, bangsa, umur dan perkaitannya dengan pencapaian akademik. Selain itu, kajian juga ingin melihat tahap kecerdasan emosi melalui empat konstruk iaitu konstruk kawalan diri, konstruk motivasi/kesedaran diri, konstruk pengurusan emosi dan konstruk kemahiran sosial. Pembinaan manual pengukuran kecerdasan emosi juga menjadi salah satu objektif kepada kajian ini. Seramai 100 orang pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) terlibat dalam kajian yang dijalankan. Instrumen kajian ialah soal selidik dan data-data yang telah diperolehi telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 10.0 untuk memudahkan pelaksanaan kajian. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang lemah dengan jantina dan umur, hubungan yang sederhana antara kecerdasan emosi dengan bangsa. Bagi kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pula tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Keempat-empat konstruk juga menunjukkan tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Melalui komen dan cadangan berkaitan manual pengukuran kecerdasan emosi, secara keseluruhannya penyelidik perlu menambahkan soalan-soalan berbentuk kecerdasan emosi dan manual yang disediakan mudah untuk mereka fahami serta senang digunakan.

## ABSTRACT

The purpose of this research is explain the level of emotional quotient of KUiTTHO student. The objective of this research is to get a relationship between emotional quotient and academic performance. Whereby other contributing factors to emotional quotient such as gender, race and age is also studied. Another objective of this study to see the level of academic performance through four construct, which is self-control, motivational/realization construct, emotional management construct and social skills construct and to develop an emotional quotient measurement manual. A sample of 100 Engineering Students from KUiTTHO was involved in research. The instrument this research is a survey form. Data in this research was analyzed using SPSS version 10.0. the research findings of this reseach is that emotional quotient has a very weak relationship with gender and age. Academic performance has no significant relationship with emotional quotient. The four construct also does not influence student's academic performance. The researcher finds the recommended manual needs to be revised so that students will be able to understand easily.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

### **BAB 1      PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang masalah	2
1.3	Pernyataan masalah	3
1.4	Objektif kajian	4

1.5	Persoalan kajian	5
1.6	Hipotesis	5
1.7	Rangka kerja teori	7
1.8	Skop kajian	7
1.9	Kepentingan kajian	8
1.10	Tujuan penyelidikan	8
1.11	Definisi kajian	9
	1.11.1 Kecerdasan	9
	1.11.2 Emosi	10
	1.11.3 Pencapaian akademik	11
	1.11.4 Pelajar	11

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Sorotan kajian kecerdasan emosi	12
2.3	Kesimpulan	21

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Rekabentuk kajian	22
3.3	Kaedah pengumpulan data	23
	3.3.1 Data primer	23
	3.3.1.1 Populasi kajian	23
	3.3.1.2 Sampel kajian	24
	3.3.1.3 Kaedah persampelan	24



3.3.1.4	Kaedah pengumpulan data	24
3.3.2	Data sekunder	25
3.4	Instrumen kajian	25
3.5	Analisis data	27
3.5.1	Ujian regrasi	28
3.5.2	Kaedah frekuensi dan peratusan	28
3.5.3	Ujian korelasi	28
3.6	Kajian rintis	29

#### **BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK**

4.1	Pendahuluan	30
4.2	Latar belakang teori penghasilan produk	30
4.3	Struktur rekabentuk produk	32
4.3.1	Dokumentasi produk	33
4.3.2	Bentuk produk	34
4.3.3	Kronologi pembinaan produk	34
4.3.4	Permasalahan dalam membina produk	35
4.3.5	Bahan, kos dan masa membina produk	36
4.4	Penilaian produk	37
4.4.1	Pemilihan dan pembinaan instrumen	37
4.4.2	Pemilihan subjek/sampel	37
4.4.3	Fokus penilaian	38
4.4.4	Cadangan pembaikan	38

## **BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pendahuluan	39
5.2	Purata mata keseluruhan (CGPA)	40
5.3	Umur	41
5.4	Bangsa	42
5.5	Markah (skor)	43
5.6	Hubungan antara kecerdasan emosi Dengan pencapaian akademik	44
5.7	Hubungan antara jantina dengan pencapaian akademik	45
5.8	Hubungan antara bangsa dengan pencapaian akademik	47
5.9	Hubungan antara umur dengan pencapaian akademik	48
5.10	Analisis umur pelajar yang cemerlang dalam CGPA	49
5.11	Analisis jantina yang cemerlang dalam CGPA	49
5.12	Analisis markah (skor) berdasarkan CGPA	50
5.13	Tahap konstruk kawalan diri, konstruk kesedaran diri, konstruk pengurusan emosi dan konstruk kemahiran sosial dengan pencapaian akademik	51
5.14	Analisis penilaian produk	53

## **BAB VI PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

6.1	Pendahuluan	61
6.2	Perbincangan	61
6.2.1	Hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik	62

6.2.2	Hubungan jantina dengan pencapaian Pencapaian akademik	63
6.2.3	Hubungan antara bangsa dengan pencapaian akademik	64
6.2.4	Hubungan di antara umur dengan pencapaian akademik	65
6.2.5	Tahap konstruk kawalan diri, konstruk kesedaran diri, konstruk pengurusan emosi dan konstruk kemahiran sosial dengan pencapaian akademik	66
6.3	Perbincangan tentang manual pengukuran kecerdasan emosi	67
6.4	Cadangan	69
6.4.1	Cadangan amalan pendidikan	69
6.4.2	Ibu bapa	70
6.4.3	Pensyarah	70
6.4.4	Pihak universiti	71
6.4.5	Cadangan kajian lanjut	71
	6.4.5.1 Faktor latar belakang	72
6.5	Kesimpulan	73

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	74-77
------------------------	-------

#### **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A-D	78-100
--------------	--------

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tahap kecerdasan emosi keseluruhan	26
3.2	Tahap kecerdasan emosi mengikut konstruk	26
3.3	Kandungan instrumen penyelidikan	27
4.1	Bilangan sampel	38
5.1	Kekerapan CGPA	40
5.2	Kekerapan umur	41
5.3	Kekerapan mengikut bangsa	42
5.4	Kekerapan markah	43
5.5	Ujian regrasi	44
5.6	Guilford's Rule Of Thumbs	45
5.7	Korelasi bagi jantina dengan pencapaian akademik	46
5.8	Korelasi bagi bangsa dengan pencapaian akademik	47
5.9	Korelasi bagi umur dengan pencapaian akademik	48
5.10	Taburan umur	49
5.11	Taburan jantina	50
5.12	Taburan markah	50
5.13	Taburan tahap kecerdasan emosi mengikut konstruk	51
5.14	Analisis soalan 1	53
5.15	Analisis soalan 2	54
5.16	Analisis soalan 3	54
5.17	Analisis soalan 4	55
5.18	Analisis soalan 5	55



5.19	Analisis soalan 6	55
5.20	Analisis soalan 7	56
5.21	Analisis soalan 8	56
5.22	Analisis soalan 9	57
5.23	Analisis soalan 10	57
5.24	Peratus komen atau cadangan responden untuk meningkatkan kualiti manual pengukuran kecerdasan emosi.	58



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. CARTA	TAJUK	MUKA SURAT
5.1	Perbandingan peringkat umur	41
5.2	Peratus komen atau cadangan responden untuk meningkatkan kualiti manual pengukuran kecerdasan emosi	59



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN****HURAIAN PENUH**

KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PMK	-	Purata Mata Keseluruhan
EQ	-	Emotional Quotient
IQ	-	Intelligence Quotient



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal kaji selidik	78-86
B	Manual pengukuran kecerdasan emosi	87-97
C	Borang soal selidik bagi manual pengukuran kecerdasan emosi	98-99
D	Analisis Skor Alpha Cronbach Kajian Rintis	100



**PT TA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



# BAB I

# Pengenalan



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNTUTAN AMINAH

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek “emovere” yang membawa maksud untuk keluar. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai suatu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi (Mahmood Nazar Mohamad,1992). Perubahan ini berbentuk satu set tindak balas autonomik, viseral dan komunikasi emosi seperti ekspresi muka, isyarat, perkataan dan tingkahlaku lain yang dipaparkan oleh seseorang itu. Dalam pada itu, situasi yang berbeza berkehendakkan reaksi emosi yang berlainan dan inilah yang membolehkan kita digelar sebagai manusia yang normal.

Terdapat kelompok individu yang menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, masih terdapat pelajar yang tidak menunjukkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik. Lantaran itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, antaranya ialah

faktor kecerdasan emosi para pelajar. Dalam hal ini, pencapaian akademik mereka adalah bergantung kepada salah satu faktor tersebut iaitu kecerdasan emosi.

Perkembangan pemikiran manusia menyebabkan berlakunya perubahan dalam pembentukan teori dalam mengkaji pemikiran dan emosi manusia. Kecerdasan Emosi mungkin baru bagi rakyat Malaysia, tetapi di negara Barat teori ini telah lama berkembang sejajar dengan perkembangan pemikiran dan ideologi manusia. Sebelum ini manusia hanya mengaitkan kecerdasan emosi dapat mempengaruhi pencapaian akademik, tetapi sejak akhir-akhir ini pengaruh kecerdasan emosi juga dikaitkan sebagai salah satu faktor penting dalam mempengaruhi peningkatan akademik.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Perbincangan tentang kecerdasan emosi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi merupakan satu isu yang amat mustahak dan perlu diberikan perhatian. Selain daripada kecerdasan akal yang boleh menjamin tempat belajar di kolej dan institusi pengajian tinggi atau memegang jawatan profesional, kemahiran mengawal dan menggunakan emosi secara bijak pula boleh menjamin kesejahteraan hidup manusia. Sejak terbitnya buku Goleman (1996), semakin ramai penyelidik mula menunjukkan minat dan menjalankan penyelidikan dalam bidang yang baru ini. Mereka juga cuba memahami bagaimana kecerdasan emosi dapat berganding bahu dengan kecerdasan akal bagi menentukan kejayaan dan keharmonian hidup manusia.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kecerdasan emosi juga memainkan peranan yang penting dalam menghadapi peperiksaan. Ini berdasarkan persepsi Tengku Asmadi (2000) yang menyatakan sebarang bentuk gangguan emosi perlu dielakkan semasa proses menghadapi peperiksaan kerana ia boleh membantutkan tahap

kecemerlangan individu. Lantaran itu, pengaruh kecerdasan emosi merupakan salah satu elemen penting dalam mengukur pencapaian akademik mereka.

Pencapaian akademik pelajar bukan hanya bergantung kepada kecerdasan emosi sahaja, banyak faktor lain yang mempunyai hubungkait dengan kecerdasan akal yang boleh dilihat meningkat atau menurunnya pencapaian akademik seseorang pelajar. Kajian ini akan mengkaji perkaitan di antara kecerdasan emosi dan peningkatan akademik pelajar-pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pengukuran yang digunakan dalam menentukan pencapaian ini ialah berdasarkan kepada pencapaian dalam Penilaian Markah Keseluruhan (PMK) yang diperolehi oleh pelajar-pelajar KUiTTHO. Setelah diperolehi maklumat PMK, kajian ini akan cuba melihat sama ada terdapatnya perhubungan di antara elemen-elemen seperti jantina, bangsa, umur dan juga kecerdasan emosi.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Berbanding dengan domain-domain lain, kajian dalam domain kecerdasan emosi amat kurang. Namun begitu, beberapa kajian berkaitan telah dikesan dan didapati bahawa kajian-kajian ini adalah terkandung dalam tiga kategori berikut :

1. Hubungan di antara tingkahlaku peringkat awal kanak-kanak dengan tingkahlaku peringkat remaja.
2. Hubungan di antara kurikulum sekolah dengan kecerdasan emosi
3. Kesan latihan pengurusan emosi ke atas kecerdasan emosi.

Bagi kategori pertama, hasil penulisan seolah-olah mencadangkan bahawa kanak-kanak mempunyai daya ketahanan dan dapat mengawal keinginannya pada peringkat awal proses perkembangannya lebih cenderung menjadi golongan remaja yang lebih matang dari segi emosinya (Gibbs,1995). Bagi kategori kedua,kajian yang dijalankan

oleh Schaps & Battistich (cited in Goleman,1995) dan kajian Hawkins et al. (1992) menunjukkan bahawa kurikulum sekolah yang berfokuskan pembelajaran sosial dan emosi juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kecerdasan emosi kanak-kanak. Bagi kategori ketiga pula, kajian-kajian yang ditinjau (Elias & Clabby,1992; Lochman,1994; Weissberg & Elias,1990) mencadangkan latihan formal dalam pengurusan emosi berupaya memperkembangkan kecerdasan emosi ke arah yang lebih matang.

Berhubung dengan isu pengukuran kecerdasan emosi, walaupun memang sukar untuk mengukurnya dengan sempurna, namun terdapat juga beberapa orang penyelidik yang telah memulakan usaha untuk mengkuantifikasikan kecerdasan emosi melalui ujian-ujian berbentuk pensil dan kertas (Goleman, 1995; Cross,1995; Park,1995). Dalam konteks Malaysia, belum terdapat lagi sebarang instrumen dalam Bahasa Malaysia yang boleh digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi. Lantaran itu, adalah sangat kritikal untuk menggubal instrumen sedemikian demi kesejahteraan pelajar-pelajar Malaysia. Tambahan pula, adalah amat penting untuk para pendidik Malaysia yang bertanggungjawab membentuk sahsiah generasi muda untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi generasi muda ini. Namun demikian, setakat ini, pengetahuan kita tentang tahap kecerdasan emosi pelajar-pelajar khususnya di universiti masih terhad sekali.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif bagi kajian ini ialah :

- 1) Mengenalpasti hubungan kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik.
- 2) Mengenalpasti kecerdasan emosi dan perhubungannya dengan jantina, umur dan bangsa terhadap pencapaian akademik pelajar.

- 3) Mengenalpasti tahap kecerdasan emosi mengikut konstruk seperti kesedaran sendiri/motivasi, kawalan diri, kemahiran sosial dan pengurusan emosi dengan pencapaian akademik.
- 4) Membangunkan Manual Pengukuran Kecerdasan Emosi untuk digunakan oleh pelajar dalam mengukur tahap emosi mereka.

### 1.5 Persoalan Kajian

- 1) Bagaimanakah kecerdasan emosi akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?
- 2) Bagaimanakah hubungan jantina, umur dan bangsa mempengaruhi kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar?
- 3) Sejauh manakah empat konstruk penting dalam kecerdasan emosi mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?
- 4) Adakah manual pengukuran kecerdasan emosi boleh digunakan oleh pelajar dalam mengukur tahap emosi mereka?

### 1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian adalah seperti berikut :

#### Hipotesis I

- Ho :Tiada hubungan di antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar
- H1 :Terdapat hubungan di antara kecerdasan Emosi dan pencapaian akademik pelajar

**Hipotesis II**

- Ho : Tiada hubungan di antara jantina dan pencapaian akademik  
H1 : Terdapat hubungan di antara jantina dan pencapaian akademik

**Hipotesis III**

- Ho : Tiada hubungan di antara bangsa dan pencapaian akademik  
H1 : Terdapat hubungan di antara bangsa dan pencapaian akademik.

**Hipotesis IV**


- Ho : Tiada hubungan di antara umur dan pencapaian akademik  
H1 : Terdapat hubungan di antara umur dan pencapaian akademik



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



### 1.7 Rangka Kerja Teori



Adaptasi daripada pendekatan Kinder (1994) dan David (1995)

### 1.8 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji telah memilih 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan semester dua di KUiTTHO. Pengkaji juga cuba mempelbagaikan jantina pelajar dimana responden

terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan untuk melihat perbezaan atau perkaitan jantina dengan pencapaian akademik mereka.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana sebelum ini, hanya IQ (kecerdasan akal) dilihat sebagai penyumbang utama kepada pencapaian akademik seseorang pelajar. Selama ini tiada sesiapa yang menyedari bahawa manusia juga perlu meningkatkan tahap kecerdasan emosinya untuk mencapai kejayaan di dalam hidupan ataupun seorang pelajar di dalam pencapaian akademik.

Kajian ini diharapkan dapat membantu institusi-institusi Pendidikan menambahkan bahan kajian tentang pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar dan secara tidak langsung pihak-pihak yang terlibat dengan hal-ehwal pelajar dapat merangka satu strategi yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar berdasarkan kecerdasan emosi yang berbeza. Kajian ini juga penting kepada pelajar KUiTTHO sendiri kerana dengan penghasilan manual pengukuran emosi nanti, mereka dapat menilai sejauh mana kecerdasan emosi dapat membantu mereka dalam meningkatkan pencapaian akademik.

## **1.10 Tujuan Penyelidikan**

Dalam masyarakat Malaysia, kejayaan seseorang pelajar biasanya diukur berpandukan bilangan gred A yang diperolehinya dalam peperiksaan. Akibatnya, sistem persekolahan dan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia pernah dikatakan sebagai sistem yang terlampau menekankan peperiksaan serta pengejaran sijil-sijil (Twelve Year Old Boy Beats Teacher to Death in South China, 1997). Tambahan pula, sekiranya pakar

pendidik terlalu menekankan perkembangan domain kognitif daripada domain afektif, kesan-kesan negatif dalam perkembangan emosi pelajar mungkin timbul. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai dua tujuan utama iaitu :

- 1) Menghuraikan tahap kecerdasan emosi pelajar KUiTTHO .
- 2) Membina satu manual pengukuran kecerdasan emosi pelajar yang boleh digunakan untuk mengukur sejauh mana kecerdasan emosi akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka yang akhirnya boleh digunakan oleh segenap lapisan pelajar dan pihak lain .

Kajian ini akan cuba membuktikan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang besar di dalam pencapaian akademik seorang pelajar. Sekiranya terbukti kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian akademik pelajar, maka pihak-pihak berkenaan boleh mengambil langkah-langkah awal untuk membina kecerdasan seseorang. Contohnya, ibu bapa boleh mempelajari cara-cara untuk meningkatkan kecerdasan emosi anak-anak supaya mereka akan menjadi seorang yang berjaya di dalam kehidupan mereka.

## **1.11 Definisi Kajian**

### **1.11.1 Kecerdasan**

Menurut Abraham (1998) kecerdasan ialah kebolehan seseorang individu memahami alam sekitarnya, dirinya dan kepakaran yang ada padanya yang boleh menolongnya untuk menghadapi cabaran hidup.

Baron (1990) pula menekankan bahawa kecerdasan amat berkait rapat dengan keadaan sedar dan aksi seseorang individu. Seseorang yang cerdas harus berupaya menyesuaikan tingkah lakunya dalam apa-apa bentuk persekitaran samada dalam keadaan sedar atau pun tidak.

Binet (1996) menyatakan seseorang itu cerdas apabila kebolehan mentalnya lebih daripada kebolehan mental kawan-kawan yang sebaya umur dengannya. Berasaskan kepada definisi ini, beliau telah mengasaskan satu alat penilaian kecerdasan yang agak kompleks yang pada masa kini dikenali sebagai ujian kecerdasan Stanford Binet.

Istilah kecerdasan emosi dicipta oleh Peter Salovey dari University Yale dan John Mayor dari University New Hampshire pada tahun 1990. Kecerdasan emosi telah menjadi semakin popular dengan terhasilnya buku *Emotional Intelligence : Why it can matter more than IQ* oleh Daniel Goleman.

### 1.11.2 Emosi

Menurut Kamus Dewan (1994) emosi boleh ditakrifkan sebagai perasaan jiwa yang kuat seperti gembira, sedih, takut, kasihan dan marah. Kecerdasan emosi termasuk kesedaran sendiri, motivasi, empati, serta pengawalan sendiri.

Menurut Robert M.L dan Michael D.S (1994), emosi (*emotion*) ditakrifkan sebagai perasaan yang dihasilkan daripada perubahan kesedaran atau keperluan untuk mengubah dalam satu sistem *construct*. Manakala menurut Atan Long (1976) emosi membawa maksud keadaan kebangkitan seseorang sebagai satu reaksi terhadap satu benda atau keadaan. Sebaliknya pada persepsi biologikal emosi ialah pergerakan yang disebabkan oleh rangsangan dari luar yang diterima oleh pancaindera. Melalui pancaindera akan dihantar kepada otak yang dinamakan *thalamus*. Kemudian maklumat akan dihantar ke bahagian *cortex* untuk merangsangkan perasaan.

### 1.11.3 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik boleh ditakrifkan sebagai pencapaian di dalam bidang akademik oleh seseorang pelajar di mana seseorang pelajar itu telah mencapai keputusan yang melebihi keputusan purata sekumpulan pelajar.

Mengikut panduan buku pelajar KUiTTHO, pencapaian di dalam bidang akademik ialah dengan memperoleh PMK 2.00 sehingga 4.00.

### 1.11.4 Pelajar

Berdasarkan pada Toh Hon Leong (2000), pelajar merupakan individu yang mengalami atau proses pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Pelajar ditakrifkan oleh penyelidik adalah responden yang terlibat dalam bentuk kajian penulis.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

# SOROTAN KAJIAN



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TINGGI HIMPUNAN AMINAH

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini membicarakan mengenai sorotan karya dan penyelidikan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kecerdasan emosi. Maka penulisan dalam bab ini merangkumi teori dan kajian-kajian terdahulu yang dapat membantu pengkaji untuk menyokong kajian yang akan dijalankan.

#### **2.2 Sorotan Kajian Kecerdasan Emosi.**

Kecerdasan emosi merupakan satu cara untuk menentukan kebijaksanaan yang dimiliki oleh individu. Ia meliputi keupayaan seseorang mengguna dan mengawal perasaan dan emosinya dalam membuat keputusan yang baik dalam kehidupan. (Daniel Goleman, 1996)

Pada umumnya, emosi merangkumi lima elemen yang dominan. Pertama ialah kesedaran mengenal perasaan diri sendiri. Kedua ialah kemampuan mengendalikan emosi untuk membuat keputusan yang bijaksana dalam kehidupan seharian. Ketiga



ialah kebolehan empati, iaitu kemampuan untuk meletakkan diri sendiri ditempat orang lain dan cuba menyelami perasaan orang lain yang berada di sekeliling kita. Keempat ialah kemahiran sosial iaitu mempunyai perhubungan manusia yang baik serta berupaya meyakinkan atau memimpin orang lain. Kelima ialah motivasi diri sendiri.

Kemampuan mengendalikan kecerdasan emosi adalah satu cara yang berbeza daripada faktor-faktor lain sama ada dalaman atau luaran untuk menjadi bijak. Menurut Daniel Goleman lagi terdapat perhubungan di antara kecerdasan emosi dan kemahiran dalam menentukan kejayaan pelajar dalam akademik.

Simpson (1991) telah menjalankan satu kajian bagi mengkaji kesan kecederaan emosi di tempat kerja dengan meletakkan sembilan usul emperikal yang boleh diuji. Kajian ini dilakukan di Jabatan Kajian Perniagaan dan Pentadbiran, Nova Southeantern University, Fort Launerdatable, Florida. Pembolehubah kajian ialah kecerdasan emosi sebagai pembolehubah ubah bersandar dan kesinambungan kumpulan kerja, persamaan di antara penghargaan pekerjaan diri dan penyelia, prestasi pekerja, komitmen organisasi, ketidakjaminan pekerjaan, konflik peranan etika, dan kejanggalan emosi.

Laporan kajian Simpson tidak dinyatakan sampel yang diambil untuk kajian. Ini merupakan satu kelemahan yang terdapat dalam kajian ini. Alat pengukuran yang digunakan ialah 'Bar-On Emotional Quotient Inventory, Perception of Effect Scale, EQ Map Test, dan skala kecerdasan emosi. Daripada empat alat pengukuran yang digunakan hanya satu skala yang menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam mengukur kecerdasan emosi di tempat kerja iaitu skala kecerdasan emosi.

Hasil kajian ini cuba memahami hubungan secara langsung di antara kecerdasan emosi dan kesinambungan kumpulan kerja. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bagaimana kecerdasan emosi menyederhanakan persamaan di antara penghargaan pekerjaan dan penyeliaan. Kecerdasan emosi mempunyai hubungan secara langsung dalam mempengaruhi prestasi pekerja.

Hasil kajian juga mendapati kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang rapat dengan komitmen organisasi. Terdapat hubungan yang jelas dinyatakan dalam hasil kajian ini mengenai konflik, kegagalan emosi dan ketiadaan jaminan dalam pekerjaan. Kajian ini tidak mempunyai limitasi dan kesimpulan yang boleh dibuat daripada kajian ini ialah kecerdasan emosi memberi kesan yang positif di tempat kerja.

Ulasan karya ini adalah didasarkan satu artikel yang ditulis oleh Cynthia L. Kemper. Ianya bertajuk *EQ vs. IQ: Emotional Intelligence and the Heart Take Their Rightful Place Beside IQ and the Brain*. Di dalam artikel ini, beliau telah membentangkan satu temuramah dengan Daniel Goleman, pengarang buku *Emotional Intelligence*. Di dalam menjawab dan menjelaskan persoalan-persoalan yang dikemukakan, Daniel Goleman turut menyelitkan beberapa kajian yang dijalankan. Beliau telah memasukkan kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap pekerja-pekerja dari pelbagai bidang dan juga kajian-kajian yang menunjukkan kualiti-kualiti yang terdapat pada seseorang yang menunjukkan prestasi yang tinggi sebagai sumber rujukan dan bukti. Selain itu beliau juga menyelitkan kajian-kajian yang menyokong pujukan sebagai satu kemahiran emosional yang amat penting kepada seseorang yang ada ataupun mahu pekerjaan eksekutif peringkat tinggi.

Daniel Goleman berpendapat, pada era kemajuan teknologi ini, kemahiran teknikal merupakan sesuatu yang ingin dicapai dan kecerdasan emosi masih merupakan penentu kepada kejayaan. Kenyataan ini adalah berdasarkan kajian ke atas pekerja-pekerja daripada pelbagai bidang. Kecerdasan emosi telah menjadi penentu kepada kejayaan pekerja-pekerja mendapat kenaikan pangkat atau pun siapa yang diberhentikan. Hasil satu kajian yang lain pula mendapati semakin tinggi seseorang dinaikkan pangkat, semakin penting elemen-elemen kecerdasan emosi.

Bagi mengukuhkan atau menyokong pendapatnya, beliau telah menunjukkan satu contoh kajian yang dilakukannya ke atas 181 jenis pekerjaan di 121 syarikat dari seluruh dunia. Beliau telah meminta senarai kualiti yang diharapkan oleh pakar-pakar latihan dan pembangunan sumber manusia. Selepas diasingkan kualiti-kualiti yang memerlukan

kemahiran teknikal dan kemahiran emosional, dan dibandingkan dengan kepentingan relatif kualiti-kualiti tersebut, didapati dua daripada tiga kebolehan yang dianggap penting untuk berjaya terdiri terdiri daripada kemahiran-kemahiran emosional seperti kebolehpercayaan, kebolehsuaian dan keupayaan bekerjasama. Kesimpulan yang digambarkan ialah kemahiran-kemahiran emosional adalah dua kali ganda lebih penting kepada kejayaan seseorang sama seperti kepintaran ataupun pengetahuan teknikal.

Menurut beliau lagi kemahiran emosional yang terpenting adalah sukar untuk ditentukan memandangkan aspek kecerdasan emosional yang berbeza memberi impak yang berbeza dan bergantung kepada situasi dan persekitaran. Walau bagaimanapun satu ciri yang boleh dibezakan adalah keupayaan memujuk seseorang. Ini bermaksud adakah seseorang itu mampu membaca keadaan sesuatu kumpulan, memahami pandangan dan keinginan kumpulan yang tersirat dan berkomunikasi dengan pekerja di mana mereka dapat memahami dan menerimanya dengan baik. Jadi kualiti-kualiti ini memerlukan kemahiran sosial yang tinggi termasuk kesefahaman yang kuat.

Daniel Goleman menyatakan bahawa adalah sukar untuk seseorang mengukur kecerdasan emosinya sendiri. Sebaliknya seseorang itu perlu meminta orang lain seperti rakan setugas untuk menilai pelbagai komponen seperti kebolehpercayaan, kebolehbegantung, fleksibiliti, kemampuan menangani sesuatu krisis dan betapa terbukanya seseorang itu terhadap idea-idea baru. Contoh penilaian yang dirujuk oleh beliau adalah penilaian 360 Darjah dimana seseorang akan memperolehi maklumbalas dari individu yang berada di atas, di bawah dan di sebelahnya.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa kecerdasan emosional merupakan komponen yang paling penting di dalam diri seseorang yang perlu dikenalpasti dan diperbaiki kerana ianya merupakan penentu kejayaan seseorang di dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kinder (1994), telah menjalankan kajian bagi menerangkan faktor demografi, pendidikan dan personaliti belia yang terlibat dalam pendidikan atau program kesihatan

mental. Kajian ini cuba untuk memahami hubungan di antara status fungsi dan pencapaian akademik belia-belia ini dan seterusnya membandingkannya dengan kumpulan lain yang terlibat dalam sistem jagaan yang lebih luas.

Enam alat pengukuran yang digunakan bagi kajian ini. Pertamanya ialah *WRAT-3* (*Wide Range Achievement Test-3*) yang direka untuk mengukur kemahiran asas membaca, mengeja dan mengira. Kedua ialah Woodcock Johnson Revised Test Of Achievement digunakan untuk menilai sifat atau kecenderungan yang berkaitan dengan sekolah, pelajaran, akademik dan pencapaian. Ketiga ialah CBL (Child Behavior Checklist). Keempat ialah CAFAS (Child And Functional Assesment Scale). Kelima ialah DSM III- R (Diognostic And Statistical Manual-III-R) dan yang keenam ialah MANOVA ( Multi Variate Analysis Of Variance ).

Alat pengukur yang digunakan dalam kajian ini untuk melihat pencapaian akademik ialah Wide Range Achievement Test- 3 ( WRAT-3 ). Alat ini digunakan untuk mengukur kemahiran asas membaca, mengeja dan mengira. Terdapat sub-bidang yang terdiri daripada:-

- a. Membaca (mengenalpasti dan menamakan surat dan menyebut perkataan)
- b. Mengeja (menulis surat dan perkataan)
- c. Mengira (membaca nombor dan simbol)

Kaedah ini digunakan untuk menyelesaikan masalah oral atau lisan dan menggunakan bantuan sistem komputer. Skor piawaiian digunakan di dalam analisa kerana skor merupakan interval data yang memberikan lebih banyak maklumat berbanding dengan skor mata kasar atau kesamaan mata gred. Setiap kumpulan mempunyai skala minima sebanyak 100 dan sisihan piawai sebanyak 15.

Woodcock-Johnson Revised Test of Achievement digunakan untuk menilai sifat atau kecenderungan dalam isu-isu seperti sekolah, pelajaran, akademik dan pencapaian. Empat sub ujian dilakukan dengan menggunakan instrumen ini terdiri daripada:

- a. Bacaan yang penuh dan lengkap ( Mengenalpasti surat dan perkataan dan pemahaman )
- b. Matematik yang penuh dan lengkap ( Luas )
- c. Pengetahuan yang luas ( Sains, perjanjian sosial dan kemanusiaan)
- d. Kemahiran.

Kajian ini melibatkan persediaan pembacaan yang luas, penggunaan matematik dan bahasa tulisan yang luas. Gred skor digunakan di dalam analisa yang melibatkan alat pengukuran Woodcock-Johnson.

Alat pengukuran yang seterusnya Child Behavior Checklist (CBCL) mengukur gelagat atau sikap yang bermasalah yang umum dapat diperolehi dengan menggunakan (CBCL). Sebanyak 118 item perlu dijawab dengan menggunakan tiga skala mata yang menunjukkan tahap persetujuan di antara gelagat anak mereka dalam masa enam bulan yang lepas. CBCL telah menunjukkan skala sembilan sindrom yang terdiri daripada *withdrawn, Somatic Complaints, Anxious Depressed, Social Problem, Thought Problem, Attention problems, sex Problem, Delinquent Behavior and Aggressive Behavior*. 'Internalizing Index' merupakan skor yang terhasil daripada '*withdrawn, Somatic Complaints and Anxious Depressed*. Externalizing index pula muncul daripada *Delinquent Behavior and Aggressive Behavior* yang mana diperolehi daripada semua skala sindrom. *Internalizing, externalising dan Total problem Scale* yang digunakan dalam kajian untuk tujuan menilai fungsi.

*Child and Adolescent Functional Assessment Scale (CAFAS)* mengukur tahap gangguan peserta semasa berfungsi didalam setiap lapan kawasan psiko-sosial. CAFAS direkabentuk untuk menilai kegagalan fungsi di dalam pelbagai domain psiko-sosial yang dijelaskan dengan mengenalpasti gelagat dan menentukan tahap kegagalan

fungsian yang kuat berkenaan dengan diri mereka. Instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap psiko-sosial ialah dengan menggunakan lima domain yang terdiri daripada peranan prestasi, gelagat yang dipengaruhi oleh orang lain, emosi, kemahiran penggunaan peralatan atau radas dan pemikiran. Jumlah skor yang dihasilkan daripada jumlah kelima-lima skala ini boleh disusun daripada 0-150. Jumlah skor 40 dan ke atas menjelaskan bahawa remaja ini berada dalam populasi yang klinikal dan perkhidmatan diperlukan selama dua tahun. Manakala jumlah skor 70 ke atas perlukan perkhidmatan selama lima tahun. Skala jumlah digunakan untuk menjelaskan tahap kegagalan fungsian dalam kajian ini.

Persampelan yang diambil dalam kajian ini ialah remaja daripada dua bahagian iaitu dari bahagian Santa Cruz dan Sonoma yang terdiri daripada 61 orang daripada bahagian Sanoma dan seramai 82 orang dari bahagian Santa Cruz. Pembolehubah dalam kajian ini ialah akademik (DV) dan program pendidikan dan kesihatan mental sebagai IV.

Hasil kajian mendapati remaja yang melibatkan diri di dalam program pendidikan dan kesihatan mental di Santa Cruz dan Sanoma mendapat peringkat gred yang rendah daripada yang dianggarkan dan menunjukkan bukti berkenaan tentang gangguan emosi dan masalah sikap yang berlaku. Kebanyakan remaja ini merupakan *Anglo-American boy* iaitu mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan tahap kegagalan fungsi yang tinggi. Keputusan kajian ini tidak menunjukkan hubungan di antara pencapaian akademik dan status fungsi.

Keputusan daripada perbandingan kajian pula menunjukkan di Sanoma, remaja yang terlibat dalam pendidikan program kesihatan dan mental lebih teruk kesannya daripada program remaja di dalam sistem yang lebih luas dan terbuka. Manakala di Santra Cruz, analisa menunjukkan kumpulan ini mempunyai skor yang lebih tinggi daripada kumpulan yang terlibat sistem yang lebih luas. Sistem ini hanya melibatkan dalam pendidikan, sekolah, emosi dan "*self-harm subscale*".

Kajian ini juga membandingkan antara remaja yang berdaftar dalam program kesihatan mental dengan remaja yang berdaftar di dalam sistem yang lebih luas. *Comparison Of Education And Comparison Group* yang dijalankan dengan menggunakan keadah MONOVA menunjukkan, remaja dalam kumpulan pendidikan mempunyai skor yang lebih tinggi dalam *CAFAS Total Scale*, *CBL Externalizina* dan *Total Problem Scale* berbanding dengan kumpulan remaja yang berdaftar di dalam sistem yang luas. Di Santa Cruz menunjukkan kumpulan umur remaja yang berada dalam kumpulan pendidikan mempunyai skor yang tinggi hanya berada dalam *CAFAS Total Scale* berbanding dengan kumpulan pembeza.

Limitasi kajian yang dijalankan di dalam konteks program komuniti selalunya dihalang oleh kesukaran untuk mengawal kebanyakan aspek di dalam reka bentuk kajian. Kajian di Santa Cruz mengutip skor data daripada Woodcock Johnson manakala kajian di Sonoma mengutip standard skor daripada WRAT-3. Campuran dan penyesuaian instrumen bagi tujuan perbandingan adalah sukar untuk dilakukan.

Kesimpulannya yang boleh dibuat ialah remaja yang terlibat dalam pendidikan/program kesihatan mental mempunyai kerosakan fungsi yang lebih tinggi berbanding dengan remaja terlibat dalam sistem jagaan yang lebih luas. Akibatnya remaja ini memerlukan perhatian yang lebih serius, terutama bagi remaja yang menghadapi masalah dalam pencapaian akademik dan masalah sikap.

Menurut David (1995) penilaian kecerdasan adalah bertujuan untuk melihat tahap intelek yang umum dan tidak kepada sesuatu yang spesifik. Pada amnya ujian kecerdasan ialah satu ujian yang meramal pelbagai kebolehan, kecenderungan, dan pengetahuan intelek seseorang individu. Istilah yang menyatakan mengenai hasil kajian ini ialah hasil darjah kecerdasan (DK) atau dalam bahasa Inggerisnya *Intelligence Quotient (IQ)*.



Pada umumnya terdapat beberapa prinsip asas dalam menentukan kecerdasan emosi.

Antara prinsip-prinsip asas kecerdasan emosi ialah :

- i. Mengenalpasti emosi dan menggunakannya dalam membuat keputusan secara rasional
- ii. Berupaya membaca emosi orang lain
- iii. Menjadi seorang pendengar yang baik dan tidak menyampuk semasa perbualan dengan orang lain.
- iv. Memahami pandangan orang lain dan mengelakkan dari daripada mengeluarkan kata-kata sindiran.
- v. Mengekalkan ketabahan hati apabila mendapat rintangan.
- vi. Menganggap masalah atau rintangan sebagai satu cabaran.
- vii. Menyelesaikan konflik tanpa menggunakan kekerasan.

Perlu dijelaskan di sini bahawa terdapat perbezaan yang tidak bertentangan di antara kecerdasan mental dengan kecerdasan emosi. Kecerdasan mental boleh diukur dengan pelbagai kaedah tetapi kecerdasan emosi tidak boleh diuji dengan menggunakan sebarang ukuran *numerical*. Tidak semua manusia dikurniakan dengan keupayaan kecerdasan emosi dan kecerdasan mental. Ada yang mempunyai keupayaan untuk mengawal perasaan emosi dan kurang kawalan ke atas kecerdasan emosi dan ada pula yang sebaliknya.

### 2.3 Kesimpulan

Kajian yang lepas banyak membincangkan tentang kajian mengenai kecerdasan emosi dengan pekerja-pekerja di tempat kerja. Pelbagai alat pengukuran yang direkabentuk untuk mengukur tahap kecerdasan emosi seseorang individu. Kecerdasan emosi dikaitkan dengan keberkesanan seseorang pekerja itu dalam melaksanakan bidang tugas yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Oleh itu dapat disimpulkan di sini, kecerdasan emosi adalah berkaitan dengan kebolehan yang ada pada seseorang individu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang sentiasa berubah yang mana ia akan mempengaruhi kehidupan seseorang itu.

Melalui pelbagai alat pengukuran yang telah disebutkan di dalam kajian yang lepas, penyelidik mendapati bahawa satu alat pengukuran yang sesuai digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar ialah menggunakan manual pengukuran kecerdasan emosi. Di dalam manual ini terdapat soalan-soalan yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan pelajar hanya perlu memilih jawapan mengikut pengalaman yang telah dilalui. Sebelum ini agak sukar untuk mengukur emosi seseorang individu tanpa alat pengukuran yang bersesuaian tetapi melalui manual pengukuran kecerdasan emosi, penyelesaian terhadap alat pengukuran yang sesuai untuk digunakan kepada para pelajar mungkin terjawab dalam usaha untuk memastikan setiap pelajar dapat mengukur sendiri tahap emosi mereka tanpa perlu merujuk kepada pertolongan orang lain untuk menilai emosi mereka.

# BAB III

# METODOLOGI KAJIAN



PT TAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk mengumpulkan data dan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Dalam bab ini, terdapat penerangan tentang rekabentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel, instrumen penyelidikan, kaedah pengumpulan data, cara menganalisis data dan kajian rintis.

#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Penyelidikan yang dijalankan akan menggunakan kaedah tinjauan. Williamsom et al. (1982) menyatakan bahawa tinjauan cuba menilai ciri-ciri sesuatu sampel dengan menggantikan cakapan dan tindakan. Kajian berbentuk tinjauan juga dapat menerangkan kaitan pola pada masa satu-satu peringkat masa sahaja. Oleh itu, kaedah ini sesuai digunakan untuk mendapatkan perkaitan antara emosi dan konstruk yang terdapat dibawah kecerdasan emosi dengan pencapaian pendidikan merupakan satu peringkat sahaja.

Soalan jawapan berstruktur lebih sukar dibentuk tetapi mengeluarkan data yang mudah ditafsirkan dan di analisis (Syahrom Abdullah, 1990). Alat yang digunakan dalam kaedah tinjauan ini ialah instrumen soal selidik. Menurut Cates (1990), jika soal selidik disediakan dengan baik dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Bagi memproses data, penyelidik menggunakan data kuantitatif bagi kajiannya kerana berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam penyelidikan. Selain itu, bahan kajian penyelidik dianalisis menggunakan pendekatan statistik. Mohd Yusof (1998), beliau menyatakan bahawa data kuantitatif dibuat analisis dengan menggunakan kaedah statistik dan penemuan akan wakili dalam bentuk angka yang abstrak. Sementara bagi data kuantitatif, penyelidik akan menggunakan taburan kekerapan serta peratusan untuk menghuraikan konstruk tahap kecerdasan emosi.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data.**

Dalam proses pengumpulan data boleh dibahagikan kepada dua kaedah yang penting iaitu, pertama ialah berdasarkan kepada data primer dan kedua ialah melalui data sekunder.

#### **3.3.1 Data Primer**

##### **3.3.1.1 Populasi kajian**

Populasi kajian adalah seramai 752 pelajar KUiTTHO yang mengambil Ijazah Sarjana Muda semester dua dari pelbagai bidang kejuruteraan.

### 3.3.1.2 Sampel kajian

Sampel yang dipilih seramai 100 orang pelajar dari yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan telah dipilih. Bagi statistik deskriptif, bilangan minimum bagi 100 sampel adalah mencukupi ( Fraenkel, Jack R. & Wallen, N.E., 1999 ). Sampel ini terdiri daripada 43 orang pelajar lelaki dan 57 orang pelajar perempuan. Sampel yang dipilih merangkumi bidang kursus berbeza yang diambil oleh pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.

### 3.3.1.3 Kaedah persampelan

Kaedah yang digunakan adalah kaedah Rawak Mudah. Di dalam kaedah ini sampel dipilih secara rawak ataupun secara tidak distruktur di mana setiap subjek mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Bagi tujuan kajian ini pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah dipilih secara rawak. Kaedah ini dipilih kerana ianya mudah untuk digunakan. Berkaitan dengan tempat sampel diambil, disebabkan penyelidik adalah pelajar dari KUiTTHO sendiri, maka pelajar KUiTTHO telah dipilih untuk memudahkan penyelidik menghantar dan mengumpul kembali borang-borang soal selidik. Di samping itu ianya adalah untuk mengelakkan kemungkinan keciciran borang-borang soal selidik.

### 3.3.1.4 Kaedah pengumpulan data

Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Sebanyak 100 set borang soal selidik akan diedarkan. Kaedah ini digunakan kerana ianya mudah dimana ianya dapat menjimatkan masa dan tenaga penyelidik serta dapat menjangkau responden yang lebih ramai. Di samping itu kebanyakan responden lebih menggemari borang soal selidik berbanding dengan temuramah ataupun kaedah lain kerana ianya menjimatkan masa dan tenaga mereka juga.

## SENARAI RUJUKAN

Atan Long (1982). *Psikologi pendidikan*. Edisi ketiga, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Ashley (1998). *Create your own happiness*. New York : Prentice Hall Press.

Elias, M.J. & Clabby, J. (1992). *Building social problem solving skills: Guidelines from a school based program*. San Francisco: Jessy-Bass

Cross, J. (1995). Does your emotional intelligence quotient (EQ) mean more than your IQ? *USA Weekend*, September, ms 21-22

Colley, A et. al (1994). Gender effects in school subject preferences: A research note. *Educational studies*, 20, ms 13-17.

David N & Perkins. (1995). *Outsmarting IQ: The emerging science of learnable intelligence*. New York : The Free Press.

Feldman, R.S (1994). *Essential of understanding psychology*. Edisi kedua. New York : McGraw-Hill Incorporation.

Fisher, A. (1998). Success secret: a high emotional IQ. *Fortune*. Vol. 138, Issue 8



- Fraenkel, Jack R. & Wallen, N.E (1999). *How To Design & Evaluate Research in Education, 4<sup>th</sup> Edition*. Boston:McGraw Hill. ms 118
- Gage, N.L & Berliner, D.C (1991). *Educational psychology*. Edisi Pertama. Boston : Houghton Mifflin Company.
- Gibbs,N. (1995, Oct).The EQ factor. *Time Magazine*, ms 146,(14).
- Goldstein, E.B (1994). *Psychology*. Edisi pertama. California : Brook/cole Publishing Company.
- Goleman, D.(1996).*Emotional intelligence it can matter more than IQ*. London : Bloomsbury.
- Goleman,D.(1995).What's your emotional intelligence quotient? *Utne Reader*,Nov/Dec, 1995. (<http://trochim.human.cornell.edu>)
- Goleman, D.(1996) What's your emotional IQ? *Reader's Digest*, May, ms 17-20
- Good, T.L & Brophy, J.E (1990). *Educational psychology*. Edisi keempat. New York : Longman.
- Haris,J.R & Liebert,R.M (1991). *The Child*.(3<sup>rd</sup> ed.).New Jersey : Prentice Hall
- Hawkins, J.D. et al., (1992). *The seattle social development project:The prevention of antisocial behavior in children*.New York:Guillford.
- Hon Leong,Toh (2000). *Rahsia pelajar cemerlang*. Edisi pertama.Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kinder, M. (1994). *Mastering your moods : recognizing your emotional style and making It work for you*. New York : The Rosen Publishing Group.

Lewis R & Aiken. (1987). *Assessment of Intellectual Functioning*. Boston : Allyn and Bacon

Lochman, J. (1994). Social cognitive processes of severely violent, moderately aggressive and non aggressive boys. *Journal of Clinical and Consulting Psychology*, September, 1994.

Lim, J. (1997). You are smarter than you think. *Female*, Januari, ms 30-34.

Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi; Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Edisi pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi pertama. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yusof Arshad (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi pertama. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Noraini Kaprawi (1996). *Hubungan Program-Program Kualiti Kehidupan Bekerja Dengan Kepuasan Kerja Dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-Pekerja CABOT : Kajian Tinjauan Di CABOT (Malaysia) Sdn. Bhd. Port Dickson, Negeri Sembilan*. UTM: Projek Sarjana.

Park, A. (1995). One Way to test your EQ. *Time Magazine*, October, ms 146, (14)

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.(1983). *Garis panduan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Robert J.& Sternberg. (1997). *Successful Intelligence: How To Practice And Creative Intelligence Determine Success In Life*. Kuala Lumpur : First Agency Publishing.

Santrock, J.W (1997). *Psychology*. Edisi kelima. USA : Brown & Benchmark Publishing.

Shaffer, D.R. (1996). *Development Psychology : Childhood And Adolescence* (4<sup>th</sup> ed.). Cole : Brooks.

Shapiro, L. (1997). *How to raise your child's EQ?*. New York : Harper.

Simpson & Carolyn. (1991). *Coping With Emotional Disorder*. New York: The Rosen Publishing Group.

Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Edisi pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Asmadi Tengku Mohamad (2000). *Strategi Cemerlang Peperiksaan*.  
[drasmadi@laman-map.com](mailto:drasmadi@laman-map.com)

Twelve year old boy beats teacher to death in South China. (1997). *The Borneo Post*, Oktober 23, 1997.

Weissberg, R.P. & Elias, M.J. (1990). School based social competence promotion as a primary prevention strategy : A tale of two project. *Prevention in Human Services*, 7, (1), ms 177-200.